

**NO.SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**SOALAN :**

**DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang diambil untuk mengetatkan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah untuk mencegah kejadian penculikan di masa akan datang.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. ESSCOM dengan kerjasama kesemua agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan yang beroperasi di ESSZONE telah mengambil beberapa langkah untuk mengetatkan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:
  - i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
  - ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
  - iii) Respon team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;
  - iv) Peningkatan atur gerak anggota keselamatan dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;

- v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
  - vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
  - vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
  - viii) Pewujudan 5 balai baru dan 3 balai yang sedia ada di naik taraf;
  - ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
  - x) *Engagement* dengan semua stakeholders di ESSZONE;
  - xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
  - xii) Melaksanakan pendaftaran awal “Pump Boat” bagi tujuan pengawalan.
2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS
- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 23**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menjaga kebijakan keluarga mangsa atas kehilangan MH370.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Waris/Keluarga Penumpang dan Anak Kapal - *Next Of Kin* (NOK) yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Luar Negeri. Jawatankuasa ini bertanggung jawab dalam semua aspek berkaitan NOK termasuk menyediakan informasi terkini berhubung operasi mencari dan menyelamat pesawat MAS MH370 kepada NOK, menyediakan bantuan dan sokongan semasa dan selepas operasi mencari, menyelaras dengan negara-negara NOK yang berkaitan berhubung sebarang fasilitasi atau bantuan kewangan kepada semua NOK yang terlibat.

Perlaksanaan sebarang fasilitasi, bantuan ataupun sebarang isu berhubung pampasan dibuat sejajar dengan *Montreal Convention 1999, Doc 9998 ICAO Policy on Assistance to Aircraft Accidents Victims and Their Families, Doc 9973* dan *Manual on Assistance to Aircraft Accidents Victims and Their Families*.

Pihak Kerajaan juga melalui MAS sentiasa mengadakan sesi taklimat dan penerangan kepada ahli keluarga terdekat bagi memberi maklumat terkini kepada keluarga. Dalam hubungan ini, sejak kehilangan pesawat MH370 pada 8 Mac 2014 sehingga kini, Kerajaan bersama-sama dengan pihak MAS telah mengenal pasti kesemua ahli keluarga mangsa yang terlibat di dalam insiden

tersebut. Pihak MAS telah menawarkan 700 *caregivers* (dengan izin) yang dilantik untuk memberikan sokongan moral dan kaunseling kepada ahli-ahli keluarga yang terlibat. MAS juga telah menawarkan penginapan percuma di hotel sekitar Putrajaya dan Bangi. Setiap keluarga diberi kemudahan penginapan, pengangkutan, makanan dan sebagainya.